

Usahawan muda sertai kursus pembikinan video guna telefon pintar

N S T 15.9.2016 5

LABUAN: Seramai 10 usahawan muda tempatan di sini menyertai Kursus Insentif Pembikinan Video Menggunakan telefon pintar anjuran bersama Labuan Training Centre (LTC) Sdn. Bhd, Yayasan Pembangunan Labuan dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Kursus selama lima hari bermula pada 7 September lalu telah dikendalikan oleh Jurulatih Pocket Production, Shazrol Suhaime di Bilik Kuliah Tingkat 9, UMSKAL.

Sementara itu, majlis perasmian penutupan kursus dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli.


Hadir sama, Pengurus Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Haji Bashir Haji Alias; Ketua Pegawai Operasi YPL, Dr. Sulung Junaidi; Ketua Operasi Bahagian Kewangan, YPL, Azhar Osman; Pengarah Urusan LTC Sdn. Bhd, Fauziah Datuk Din dan Pensyarah Fakulti Komputeran dan Infomatik UMSKAL, Dr. Muzaffar Hamzah.

Terdahulu, Shazrol ketika ditemui berkata, kursus tersebut terbuka kepada usahawan muda yang mempunyai perniagaan secara talian (online).

"Kita beri keutamaan kepada usahawan yang mempunyai perniagaan secara online untuk mempromosikan perniagaan mereka menerusi internet, media sosial khususnya facebook dan instagram hanya menggunakan telefon pintar tertentu" katanya ketika ditemui New Sabah Times pada majlis penutupan kursus tersebut baru-baru ini.

Sementara itu, salah seorang peserta Halyenda Mohammad yang ditemui berkata, kursus tersebut banyak memberi manfaat khususnya dalam menjual produk perniagaan masing-masing dengan membuat iklan sendiri melalui telefon-pintar yang boleh di muat naik ke Facebook atau Instagram.

"Kursus ini sangat menarik dan banyak memberi manfaat kepada saya sebagai seorang peniaga muda. Ini kerana saya dapat mempromosikan perniagaan dalam bentuk iklan yang lebih mudah dan murah menerusi teknik pembikinan video hanya menggunakan telefon pintar," katanya. - OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabahtimes.com.my)



KENANGAN para peserta bergambar kenangan bersama Shazrol (dua kiri) selepas berjaya menamatkan kursus selama lima hari bersama Shazrol (dua kiri), Fauziah (tiga kiri), Dr Sulong (kanan sekali), Azhar (dua kanan) dan Dr Muzaffar (kiri sekali).